



Buletin

Rejab 1445/ Januari 2024

ACIS

Ibrah Perang Tabuk

Pemikiran Ibnu Khaldun
dalam Politik

E-book Pengurusan
Maklumat Islam

Kempen Solidariti Palestin

Cerita Rakyat
Menyingkap Tauladan

eISSN 2600-8289



9 77 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Penerbitan E-Book : Pengurusan Maklumat Islam

Oleh:

Dr Nursafra binti Mohd Zhaffar

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Satu buku modul berjudul Pengurusan Maklumat Islam telah berjaya diterbitkan pada penghujung tahun 2023 secara e-book di bawah penerbitan Penerbit Universiti Teknologi MARA. Buku ini merupakan satu usahasama dan bukti kecekalan sebelas orang penulis menukulkan bab penulisan untuk menghasilkan sebuah buku khusus untuk rujukan mahasiswa peringkat Diploma Pengurusan Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik di Universiti Teknologi MARA seluruh Malaysia bagi kod CTU264. Projek penulisan dan penerbitan buku ini diketuai oleh editornya iaitu Dr. Nursafra Mohd Zhaffar.

Kumpulan penulis tersebut terdiri daripada Dr Nursafra Mohd Zhaffar, Ahmad Yumni Abu Bakar, Ahmad Faiz Haji Ahmad Ubaidah, Muhammad Noor Hussin, Suhaila Shahril, Dr Mohd Hidayat Mahadi, Siti Nur Husna Abd Rahman, Siti Saufirah Mohd Tahir, Nur Ilham Wan Abdullah, Noraini Abd Muaziz, & Nurul Amrina Mohd Yazid.

Buku tersebut berharga RM31.00 dan boleh diperolehi dalam versi e-buku (MindAppz) melalui pautan berikut: <https://mindappz.com/Academic/ProductDetail?i=Zkq1QFzgtq0=>

Diharapkan penerbitan buku ini mampu mewarnai dunia penulisan ilmiah serta membantu mahasiswa dalam memahami pengurusan maklumat dari perspektif Islam. Mudah-mudahan Allah mengangkat usaha ini sebagai amal jariah berterusan daripada kami kepada anak bangsa sekalian.



Projek penulisan dan editing di Bilik Perbincangan

Pengurusan Maklumat Islam

★★★★★ (139)

Category : E-Books
Publisher : Penerbit UTM

[Description](#) [Biography](#)

Pengurusan Maklumat Islam merupakan subjek yang ditawarkan kepada para pelajar peringkat Diploma Pengurusan Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik di Universiti Teknologi MARA seluruh Malaysia. Buku ini boleh dijadikan rujukan kepada para pelajar, malah boleh dirujuk oleh orang awam bagi meneliti perihal pengurusan maklumat dari perspektif Islam. Pembaca didedahkan dengan kerangka epistemologi Islam dan perkembangan institusi maklumat Islam daripada zaman Rasulullah SAW sehingga kini. Turut dibincangkan bab mengenai kecemerlangan ilmu dan institusi maklumat Islam dengan fokus kepada Bayt al-Hikmah sebagai model. Ekoran daripada kerencaman maklumat yang disajikan hari ini, buku ini turut mengupas model pialwaan dan etika pengurusan maklumat menurut Islam, Aplikasi daripada prinsip dalam kaedah Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadis dianalisis ke dalam situasi pengurusan maklumat masa kini. Seterusnya, terdapat bab yang mengenengahkan Rasulullah SAW sebagai model pengurus maklumat yang boleh dijadikan panduan masa kini. Akhir sekali, cabaran berkenaan enaansian maklumat dibincangkan berserta cadanaan penyelesaian dari sudut etika dan

RM 31.00
Buy Now

5
★★★★★